

**PENULISAN FEMINISME FIKSYEN MAHUA SISWAZAH-
SISWAZAH UNIVERSITI TAIWAN
(1970-1995)**

SINOPSIS

Kajian ini memfokuskan penulisan feminin dalam fiksyen Mahua siswazah universiti-universiti di Taiwan. Para siswazah universiti Taiwan yang berasal dari Malaysia bukan sahaja mencatatkan pencapaian yang cemerlang di arena sastera Cina Taiwan, tetapi juga menarik perhatian arena sastera Cina sedunia. Siswazah-siswazah universiti Taiwan tersebut muncul sebagai karyawan yang bukan sahaja mencipta banyak karya sastera, bahkan juga memenangi banyak hadiah sastera Cina yang penting. Kejayaan mereka telah mengharumkan nama Malaysia dan memperkenalkan karya-karya sastera yang berunsur tempatan ataupun Nanyang (南洋). Kajian ini merangkumi tiga orang karyawan iaitu Li Yongping, Shang Wanyun dan Pan Yutong sebagai wakil kepada karyawan Mahua siswazah universiti-universiti di Taiwan. Kategori ciptaan karyawan yang dikaji terdiri daripada jenis fiksyen. Tema-tema utama yang dipersembahkan dalam fiksyen mereka iaitu penulisan feminin masing-masing memaparkan keunikan penulisan yang begitu menarik minat para pembaca. Perwatakan wanita dalam fiksyen Li Yongping meliputi watak perempuan bumiputera dan juga watak perempuan Cina yang terdiri daripada pelbagai lapisan masyarakat. Penulisan kreatif fiksyen Shang Wanyun bukan sahaja merangkumi perwatakan perempuan tradisional dan moden, tetapi juga menyentuh perwatakan lesbian. Pan Yutong pula merupakan seorang karyawan yang banyak menulis tentang perempuan golongan bawahan seperti pelacur. Kajian kertas ilmiah ini bertujuan mengulas dan menganalisa tema dan imej watak feminin yang terkandung dalam fiksyen-fiksyen karyawan tersebut. Didapati ketiga-tiga orang karyawan tersebut masing-masing menunjukkan gaya penulisan yang berbeza. Namun begitu, persamaan tetap wujud dalam penulisan fiksyen oleh Li Yongping, Shang Wanyun dan Pan Yutong. Persamaan dapat ditinjau terutamanya dalam penulisan imej watak perempuan dan isu-isu kaum wanita yang tersirat dalam karya fiksyen. Sememangnya penulisan kreatif karya fiksyen oleh karyawan-karyawan Mahua siswazah universiti-universiti di Taiwan mempunyai nilai yang tinggi dan memberi kontribusi kepada arena sastera Mahua.

**THE FEMINIST WRITINGS IN MAHUA FICTION BY
TAIWAN UNIVERSITY GRADUATES
(1970-1995)**

SYNOPSIS

This study focuses on the feminine writings of our local authors who have graduated from Taiwan universities. This group of local writers has not only made a name for themselves in the Taiwan literary arena but have captured the attention of the Chinese literary works worldwide. Not only have they produced a large amount of fine work, but they have also won many important Chinese literary awards in their respected field. They are a source of pride to Malaysia and have introduced local and 'Nanyang' literature to our people. In this study, three writers namely Li Yongping, Shang Wanyun and Pan Yutong are chosen as representatives of Taiwan-graduate local authors. The genre focused in this paper is fiction. The unique writing style of each individual here has successfully highlighted the theme of feminism which undoubtedly captured the heart of readers. The female character in Li Yong Ping' s fiction is made up of indigenous as well as Chinese women from different spectrum of society. Shang Wanyun' s creative writing not only includes traditional and modern feminine roles, but also touches on the controversial subject of lesbianism. Meanwhile, Pan Yutong writes mainly about lower class female characters such as prostitutes. This paper aims to comment and analyze the themes as well as the roles of female characters found in this fiction. It is known that the three writers demonstrate unique personal writing style. Nevertheless, there are still similarities among them. This is clearly seen in the portrayal of female image and the implicit issues pertaining to the female gender. Evidently, the creative fictional writings of our local Taiwan-graduates contain high aesthetic value that can contribute to the development in the Mahua literary arena.